

Penyata Tadbir Urus Korporat

Lembaga Pengarah MNRB komited untuk mengekalkan tahap tadbir urus korporat yang tinggi dan berusaha untuk terus meningkatkan keberkesanan aplikasi terhadap prinsip serta amalan terbaik yang digariskan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Kod), Syarat-Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad dan “Buku Hijau” yang diterbitkan oleh Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC.

Polisi MNRB adalah untuk melaksanakan kesemua prinsip dan amalan terbaik ini demi mengekalkan dan memperkasakan tahap integriti perniagaan yang tinggi dalam semua aktiviti yang diceburi Kumpulan ini. Ini meliputi komitmen untuk mengikuti contoh-contoh terbaik industri dan mematuhi garis panduan dan saranan dalam pengendalian aktiviti perniagaan Kumpulan ini.

Berikut dibentangkan cara bagaimana Kumpulan telah menggunakan prinsip Kod ini dan sejauh mana ia telah berusaha untuk mematuhi Kod Amalan Terbaik sepanjang tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mac 2007.

Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memimpin sumber Kumpulan, mencapai objektif Kumpulan serta menjadi warga korporat yang baik. Ia menyempurnakan tanggungjawab ini dengan mematuhi sepenuhnya Akta dan Peraturan yang berkenaan, termasuk menerima pakai Prinsip-Prinsip dan amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dalam hal ehwal tadbir urus korporat.

Lembaga Pengarah akan terus memainkan peranan dalam kesemua hal ehwal dan urusan Kumpulan. Ini termasuk tanggungjawab menentukan perkembangan serta hala tuju strategik Kumpulan secara keseluruhan. Hal-ehwal penting, seperti kelulusan hasil suku tahun dan tahunan, pengambilalihan/pemerolehan dan penghapusan yang besar nilainya, perbelanjaan modal yang besar, belanjawan, rancangan korporat dan perancangan pewarisan jawatan pengurusan tertinggi dikhaskan untuk dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah atau jawatankuasa yang dilantik untuk mengendalikan hal ehwal ini.

Lembaga Pengarah dianggotai oleh ahli-ahlinya yang mempunyai pengalaman kerja yang luas dalam bidang insurans, insurans semula, perakaunan, undang-undang, kewangan korporat, perbankan dan operasi perniagaan. Oleh itu, semua Pengarah akan memainkan peranan dalam melaksanakan pertimbangan ke atas isu-isu mengenai strategi, prestasi, sumber-sumber dan standard piawai.

Keseimbangan Lembaga Pengarah

Selaras dengan Tata Urusan Pertubuhan Syarikat, bilangan Pengarah hendaklah tidak kurang daripada dua (2) atau tidak melebihi sepuluh (10) orang.

Buat masa ini ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada sembilan (9) orang, yang kesemuanya menyandang jawatan

Pengarah Bukan Eksekutif. Empat (4) daripada mereka adalah Pengarah Bebas. Tidak ada kumpulan atau individu yang menguasai proses membuat keputusan dalam Lembaga Pengarah. Atas dasar komposisi ini, maka Syarikat telah mematuhi Para 15.02 Syarat-Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad yang memerlukan sekurang-kurangnya (2) pengarah atau 1/3 daripada Lembaga Pengarah, mengikut mana yang lebih banyak, untuk menjadi pengarah bebas.

Encik Mohammad bin Abdullah ialah Pengerusi Bukan Eksekutif Lembaga Pengarah. Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lain adalah seperti berikut:-

- Encik Anuar Mohd Hassan
(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- Encik P. Raveenderen
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
- Y.Bhg. Dato' Syed Ariff Fadzillah bin Syed Awalluddin
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
- Tuan Haji Yusoff bin Yaacob
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
- Y.Bhg. Datuk Haji Mohd Khalil bin Dato' Haji Mohd Noor
(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- Encik Sharkawi bin Alis
(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- Encik Azhar bin Abdul Wahab
(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- Tuan Haji Megat Dziauddin bin Megat Mahmud
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)

Sejak Laporan Tahunan yang lepas, seorang ahli Lembaga Pengarah telah meletakkan jawatan dalam tahun kewangan ini, iaitu Y.Bhg. Dato' Mohd Taufik bin Dato' Abdullah (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif).

Konflik Kepentingan

Para Pengarah dikehendaki untuk mengisytiharkan pemegangan saham masing-masing dalam Syarikat dan syarikat berkaitan yang lain, serta kepentingan mereka dalam mana-mana kontrak dengan Syarikat atau mana-mana syarikatnya yang berkaitan. Dengan yang demikian, Pengarah yang berkenaan tidak akan melibatkan diri dalam sebarang perbincangan dan membuat keputusan yang berkaitan dengan urus niaga tersebut.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah telah menjadualkan mesyuarat sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun, disamping Mesyuarat Agung Tahunan. Sebanyak tujuh (7) mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan bagi tahun berakhir 31 Mac 2007.

Butiran mengenai kehadiran para Pengarah Syarikat ke Mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Bilangan Mesyuarat yang dihadiri
Encik Mohammad bin Abdullah	6/7
Encik Anuar bin Mohd Hassan	7/7
Y.Bhg. Dato' Mohd Taufik bin Dato' Abdullah	2/2#
Encik P. Raveenderen	7/7
Y.Bhg. Dato' Syed Ariff Fadzillah bin Syed Awalluddin	7/7
Tuan Haji Yusoff bin Yaacob	7/7
Y.Bhg. Datuk Haji Mohd Khalil bin Dato' Haji Mohd Noor	7/7
Encik Sharkawi bin Alis	7/7
Encik Azhar bin Abdul Wahab	6/7
Tuan Haji Megat Dziauddin bin Megat Mahmud	3/4##

Sehingga tarikh peletakan jawatan beliau pada 27 Julai 2006

Dari tarikh pelantikan beliau pada 24 Ogos 2006

Pada setiap mesyuarat yang dijadualkan, terdapat laporan yang merangkumi hampir keseluruhan elemen tanggungjawab Lembaga Pengarah dalam ruang lingkup Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, antaranya, mengkaji semula/ penerapan dan status Rancangan Korporat, memantau pengendalian perniagaan Kumpulan, pematuhan dan pengurusan risiko serta sistem kawalan dalaman.

Prestasi kewangan dan perniagaan juga dikaji dan prestasi buku tahunan Kumpulan dibincang termasuklah prestasi kendalian sehingga kini berbanding dengan peruntukan tahunan serta rancangan kewangan bagi tahun tersebut yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah sebelum ini.

Pelantikan Semula Pengarah

Selaras dengan Tata Urusan Pertubuhan Syarikat, 1/3 daripada Pengarah atau jika bilangannya bukan dalam gandaan tiga (3), maka bilangan yang paling hampir dengan 1/3, akan bersara daripada jawatan pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan. Semua Pengarah yang bersara boleh menawarkan diri untuk dilantik semula.

Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah dalam tempoh kewangan sebelum Mesyuarat Agung Tahunan tertakluk pada pelantikan semula oleh pemegang saham pada peluang pertama selepas pelantikan mereka.

Empat (4) Pengarah akan dilantik semula pada Mesyuarat Agung Tahunan ke yang akan diadakan pada 30 Julai 2007.

Pembekalan Maklumat

Bagi membolehkan mereka menyempurnakan tugas, Lembaga Pengarah mempunyai akses penuh dan tanpa sekatan terhadap semua maklumat yang berkaitan dengan hal ehwal dan urusan perniagaan Kumpulan, sama ada sebagai Lembaga Pengarah penuh, mahu pun dalam kapasiti mereka sebagai individu.

Sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah, setiap pengarah akan menerima notis mesyuarat, agenda dan kertas-kertas Lembaga Pengarah. Masa yang mencukupi diberikan kepada para pengarah untuk membolehkan mereka mendapat penerangan lanjut, sekiranya perlu, supaya mesyuarat tersebut akan disertai oleh kesemua pengarah.

Kertas Lembaga Pengarah mengandungi sekurang-kurangnya perkara berikut:-

- Minit-minit mesyuarat terdahulu dan mesyuarat-mesyuarat bagi Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- Laporan mengenai prestasi syarikat subsidiari
- Laporan Kewangan
- Laporan Audit Dalaman
- Laporan Pematuhan

Garis panduan yang wajar telah diberikan oleh pihak Lembaga Pengarah berhubung isi kandungan, gaya pembentangan dan penghantaran kertas kepada Lembaga Pengarah bagi setiap mesyuarat Lembaga Pengarah bagi memastikan para Pengarah mempunyai maklumat yang mencukupi.

Kesemua Pengarah mempunyai akses langsung kepada ahli kumpulan Pengurusan Kanan dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat, yang bertanggungjawab bagi memastikan prosedur-prosedur Lembaga Pengarah sentiasa dipatuhi. Para Pengarah boleh, jika perlu, mendapatkan khidmat nasihat bebas di atas, perbelanjaan Syarikat.

Sepanjang tempoh mereka memegang jawatan, para Pengarah dikemaskini mengenai perniagaan Kumpulan, persekitaran persaingan dan peraturan dalam mana ia beroperasi serta lain-lain perubahan melalui penerangan bertulis dan mesyuarat dengan para eksekutif kanan.

Latihan Pengarah

Kumpulan mengakui bahawa pembelajaran yang berterusan adalah penting untuk membolehkan ahli-ahli Lembaga Pengarah memahami kemaskini penguatkuasaan peraturan dan pengajian pengurusan bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan para Pengarah agar mereka dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik.

Kesemua Pengarah baru perlu melalui program induksi. Dalam program ini, mereka akan diberi maklumat mengenai Kumpulan, kenyataan rasmi mengenai peranan Lembaga Pengarah, kuasa yang telah diamanahkan kepada pengurusan kanan Syarikat dan jawatankuasa pengurusan serta maklumat kewangan terkini mengenai Kumpulan. Semua ini dilaksanakan demi membolehkan mereka menyumbang secara berkesan daripada peringkat awal pelantikan mereka. Kesemua para Pengarah telah menghadiri Program Akreditasi Mandatori selaras dengan Syarat-Syarat Penyenaiaan Bursa Malaysia Securities Berhad (BMSB).

Dengan pemansuhan Nota Amalan 15 berhubung Program Pendidikan Berterusan oleh BMSB, tanggungjawab memenuhi keperluan latihan para Pengarah terletak pada Lembaga Pengarah.

Sepanjang tahun dalam kajian, para Pengarah telah menghadiri pelbagai seminar dan program dalam bidang yang dapat membantu mereka melaksanakan tugas masing-masing.

Antara program dan seminar yang dihadiri oleh ahli Lembaga Pengarah pada tahun 2006 adalah seperti berikut:-

- i) Seminar mengenai Pencegahan Pengubahan Wang Haram
- ii) Insurans Liabiliti Pengarah dan Pegawai
- iii) Mengurus Perubahan dan Peralihan Organisasi
- iv) Meningkatkan Keberkesanan Lembaga Pengarah
- v) Standard Pelaporan Kewangan
- vi) Seminar mengenai Rangka Kerja Mampu Bayar Modal Berasaskan Risiko
- vii) Gambaran Keseluruhan Lloyds, Takaful dan Takaful Semula
- viii) Sektor Kewangan & Korporat Malaysia – Menangani Cabaran Persaingan Global
- ix) Meningkatkan Keberkesanan Lembaga Pengarah Korporat

Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah telah mengagihkan beberapa tanggungjawab tertentu kepada enam (6) jawatankuasa pengarah seperti berikut:-

- i) Jawatankuasa Audit
- ii) Jawatankuasa Pemilihan
- iii) Jawatankuasa Imbuan
- iv) Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- v) Jawatankuasa Pelaburan
- vi) Jawatankuasa Opsyen Saham

Semua Jawatankuasa ini mempunyai bidang tugas masing-masing, yang ditafsirkan dengan jelas tugas dan kewajiban mereka dalam usaha membantu dan menyokong pihak Lembaga Pengarah. Namun tanggungjawab utama untuk membuat keputusan masih terletak pada keseluruhan ahli Lembaga Pengarah.

1. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit terdiri daripada tiga (3) ahli dimana majoriti adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Salah seorang daripada ahli Jawatankuasa ini merupakan Akauntan Bertauliah dan ahli Institut Akauntan Malaysia.

Jawatankuasa Audit ini dipengerusikan oleh Encik P. Raveenderen, seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Ahli-ahli Jawatankuasa yang lain adalah:

- Y.Bhg. Dato' Syed Ariff Fadzillah bin Syed Awalluddin (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
- Tuan Haji Megat Dziauddin bin Megat Mahmud (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)

Dilantik pada 1 November 2006 untuk menggantikan Y.Bhg Dato' Mohd Taufik bin Dato' Abdullah yang meletakkan jawatan pada 27 Julai 2006

Bidang tugas Jawatankuasa termasuk mengkaji dan membincang penyata kewangan Kumpulan, penemuan Juruaudit-juruaudit Luaran dan Dalaman, apa-apa urusan niaga pihak berkaitan dan apa-apa kaedah percanggahan konflik kepentingan dalam Kumpulan, di samping memberi cadangan kepada Lembaga Pengarah ke atas pelantikan / pelantikan semula Juruaudit Luaran.

Tugas-tugas Jawatankuasa Audit seperti yang dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit di mukasurat 32 & 38 Laporan Tahunan ini, adalah merangkumi tugas-tugas yang utama yang dinyatakan dalam perenggan 15.13 Syarat-syarat Penyenaiaan Bursa Malaysia.

Jawatankuasa ini bermesyuarat sebanyak empat (4) kali sepanjang tahun kewangan ini.

2. Jawatankuasa Pemilihan

Lembaga Pengarah telah menubuhkan Jawatankuasa Pemilihan yang terdiri daripada lima (5) Pengarah Bukan Eksekutif. Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan adalah Y. Bhg. Dato' Syed Ariff Fadzillah bin Syed Awalluddin, seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Empat (4) ahli lain Jawatankuasa ini terdiri daripada :-

- Encik Mohammad bin Abdullah (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- Encik Anuar bin Mohd Hassan (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- Encik Azhar bin Abdul Wahab (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- Y.Bhg. Datuk Haji Mohd Khalil bin Dato' Haji Mohd Noor (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)

Dilantik pada 18 Ogos 2006 untuk menggantikan Y.Bhg Dato' Mohd Taufik bin Dato' Abdullah yang meletakkan jawatan pada 27 Julai 2006

Penyata Tadbir Urus Korporat

Objektif utama Jawatankuasa ini adalah untuk mewujudkan prosedur berdokumen yang rasmi dan telus bagi pelantikan para pegarah dan pegawai kanan penting serta untuk menilai keberkesanan para pengarah, Lembaga Pengarah secara keseluruhannya dan pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini juga mengkaji profil kemahiran dan atribut para Pengarah dari semasa ke semasa dan memastikan yang Lembaga Pengarah mempunyaiimbangan kepakaran dan keupayaan sewajarnya untuk melaksanakan tanggungjawabnya.

Jawatankuasa bermesyuarat enam (6) kali dalam tahun kewangan.

3. Jawatankuasa Imbuan

Lembaga Pengarah telah menubuhkan Jawatankuasa Imbuan yang terdiri daripada lima (5) Pengarah Bukan Eksekutif. Pengerusi jawatankuasa ini adalah Y. Bhg. Dato' Syed Ariff Fadzillah bin Syed Awalluddin, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Empat (4) ahli lain Jawatankuasa ini adalah:-

- Encik Mohammad bin Abdullah
(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- Encik Anuar bin Mohd Hassan
(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- Encik Azhar bin Abdul Wahab
(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- Y.Bhg. Datuk Haji Mohd Khalil bin Dato' Haji Mohd Noor
(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)

Dilantik pada 18 Ogos 2006 untuk menggantikan Y.Bhg Dato' Mohd Taufik bin Dato' Abdullah yang meletakkan jawatan pada 27 Julai 2006

Objektif utama Jawatankuasa ini adalah untuk mewujudkan prosedur yang rasmi dan telus bagi membangunkan dasar imbuan untuk para pengarah dan pegawai kanan penting serta memastikan yang imbuan mereka berdaya saing dan seimbang dengan budaya, objektif dan strategi Syarikat. Selain daripada itu, Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk mencadangkan rangka kerja imbuan berdasarkan Penunjuk Prestasi Penting (KPIs), serta mengesyorkan pakej imbuan khusus bagi para pengarah dan pegawai kanan penting.

Jawatankuasa ini bermesyuarat sebanyak empat (4) kali dalam tahun kewangan ini.

4. Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Lembaga Pengarah percaya bahawa Rangka Kerja Pengurusan Risiko yang berkesan adalah penting

kepada Kumpulan dalam usahanya untuk mencapai objektif-objektif korporat, terutamanya untuk memastikan keuntungan yang berterusan dan peningkatan nilai pemegang-pemegang saham dalam persekitaran pasaran yang sentiasa berubah begitu pantas.

Untuk tujuan ini, Lembaga Pengarah telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa yang berdedikasi yang diberi nama Jawatankuasa Lembaga dengan tujuan khas dikenali sebagai Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga (RMCB) untuk membangunkan dan menilai pelaksanaan rangka kerja pengurusan risiko di seluruh syarikat. Jawatankuasa terdiri daripada lima (5) orang ahli dan dipengerusikan oleh seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Ahli-ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada:-

- Tuan Haji Yusoff bin Yaacob - Pengerusi
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
- Encik P. Raveenderen
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
- Encik Mohammad bin Abdullah
(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- Y.Bhg. Dato' Syed Ariff Fadzillah bin Syed Awalluddin
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
- Encik Sharkawi bin Alis
(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)

RMCB bertanggungjawab untuk:-

- i) Mengkaji dan mengesyorkan strategi-strategi pengurusan risiko, polisi dan toleransi risiko untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- ii) Mengkaji dan menilai kesempurnaan polisi pengurusan risiko dan rangka kerja bagi mengenal pasti, mengukur, mengawasi dan mengawal risiko-risiko serta juga tahap sehingga mana keberkesanan polisi dan rangka kerja ini;
- iii) Memastikan infrastruktur, sumber dan sistem yang mencukupi tersedia bagi pengurusan risiko yang berkesan, iaitu dengan memastikan bahawa kakitangan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan sistem pengurusan risiko ini, melaksanakan tugasnya secara berasingan dan bebas daripada aktiviti mengambil risiko Kumpulan; dan
- iv) Mengkaji laporan berkala pengurusan mengenai pendedahan risiko, komposisi portfolio risiko dan aktiviti pengurusan risiko.

Jawatankuasa bermesyuarat empat (4) kali dalam tahun kewangan.

5. Jawatankuasa Pelaburan

Jawatankuasa Pelaburan, terdiri daripada lima (5) Pengarah Bukan Eksekutif, mengkaji dan meneliti cadangan pelaburan strategik dan membuat keputusan untuk mengoptimalkan pulangan Kumpulan atas kegiatan-kegiatan pelaburannya.

Ahli-ahli Jawatankuasa ini adalah:-

- Encik Mohammad bin Abdullah - Pengerusi (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- Encik Anuar bin Mohd Hassan (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- Encik P. Raveenderen (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
- Tuan Haji Yusoff bin Yaacob (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
- Encik Sharkawi bin Alis (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)

Jawatankuasa bermesyuarat empat (4) kali dalam tahun kewangan.

6. Jawatankuasa Opsyen Saham

Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat yang diadakan pada 22 Mei 2003, pemegang-pemegang saham telah meluluskan penubuhan Skim Opsyen Saham Kakitangan (Skim). Skim ini berkuatkuasa pada 25 Julai 2003 untuk tempoh selama lima (5) tahun.

Jawatankuasa Opsyen Saham ini ditubuhkan untuk mentadbir Skim dalam cara tertentu sebagaimana ia anggap wajar yang ia rasakan wajar, termasuk kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan tertentu yang diamanahkan kepadanya di bawah Undang-undang Kecil Skim tersebut.

Sejumlah 2,958,000 saham telah dilaksanakan sepanjang tahun kewangan ini.

Jawatankuasa Opsyen Saham ini terdiri daripada tiga (3) orang Pengarah Bukan Eksekutif. Ianya dipengerusikan oleh Y. Bhg. Datuk Haji Mohd Khalil bin Dato' Haji Mohd Noor, seorang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Dua (2) orang lagi ahli adalah:-

- Encik Azhar bin Abdul Wahab (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- Tuan Haji Yusoff bin Yaacob (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)

Dilantik pada 18 Ogos 2006 untuk menggantikan kekosongan yang wujud disebabkan oleh peletakan jawatan Y.Bhg Dato' Mohd Taufik bin Dato' Abdullah pada 27 Julai 2006

Imbuan Para Pengarah

Polisi dan Prosedur Imbuan

Cadangan yang berkaitan dengan pakej imbuan bagi para Pengarah untuk menarik, memotivasi dan mengekalkan para pengarah yang berkaliber dan berkualiti seperti yang diperlukan oleh Kumpulan akan dibuat oleh Jawatankuasa Imbuan.

Polisi Jawatankuasa Imbuan selaras dengan amalan keseluruhan Kumpulan berhubung pampasan dan faedah. Ini adalah untuk memberi ganjaran kompetitif dengan mengambil kira prestasi, perbandingan pasaran dan tekanan persaingan dalam industri. Manakala ianya bukan untuk mengekal kedudukan pasaran ketat, Jawatankuasa mengambil kira peranan setanding dalam pertubuhan yang mungkin serupa dari segi saiz, sektor pasaran atau kompleksiti perniagaan.

Selain daripada Encik Anuar bin Mohd Hassan, semua Pengarah Bukan Eksekutif dibayar dengan yuran Pengarah yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dan diluluskan setiap tahun oleh para pemegang saham. Imbuan bagi Encik Anuar bin Mohd Hassan dibayar oleh subsidiari milik penuh iaitu Malaysian Reinsurance Berhad, di mana beliau berkhidmat sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif.

Butir-butir jumlah imbuan setiap Pengarah Syarikat pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007 adalah seperti berikut: -

Imbuan Para Pengarah	Yuran & Elaun	Gaji, Bonus & Lain-lain Faedah	Jumlah
Sehingga ke RM50,000	2	-	2
RM50,001 ke RM100,000	3	-	3
RM100,000 ke RM150,000	3	-	3
RM150,001 ke RM200,000	-	-	-
RM200,001 ke RM1,000,000	1	-	1
RM1,000,001 ke RM1,500,000	-	1	1
Jumlah	9	1	10

Pemegang-Pemegang Saham

Perbincangan di antara Kumpulan, Pelabur dan Juruanalisis

Sebagai memenuhi sebahagian daripada tanggungjawab Lembaga Pengarah dalam membangunkan dan melaksanakan program perhubungan pelabur, taklimat setengah tahun diadakan antara Kumpulan dengan juruanalisis dan pelabur sejurus selepas pengumuman keputusan setengah tahunan dan tahunan diumumkan Kumpulan kepada Bursa Malaysia.

Pembentangan berdasarkan pendedahan yang dibenarkan dibuat untuk menerangkan prestasi Kumpulan dan program

Penyata Tadbir Urus Korporat

pembangunan utama. Walau bagaimana pun maklumat sensitif harga mengenai Kumpulan, tidak didedahkan dalam taklimat ini sehingga selepas pengumuman yang ditetapkan kepada Bursa Malaysia dibuat.

Selain daripada itu, MNRB juga mempunyai laman web yang mana pemegang-pemegang saham dan masyarakat umum boleh mengaksesnya untuk memperoleh maklumat mengenai Kumpulan.

Mesyuarat Agung Tahunan

Mesyuarat Agung Tahunan merupakan forum penting untuk berdialog dengan para pemegang saham. Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat biasanya dihadiri ramai pemegang saham kerana ianya memberi para pemegang saham akses langsung kepada Lembaga Pengarah serta peluang untuk mengambil bahagian secara efektif dan mengundi.

Notis Mesyuarat Agung Tahunan dan laporan tahunan telah dihantar kepada para pemegang saham sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh mesyuarat.

Di samping agenda biasa bagi Mesyuarat Agung Tahunan ini, Lembaga Pengarah membentangkan laporan mengenai kemajuan dan prestasi Kumpulan dalam laporan tahunan dan memberi peluang kepada para pemegang saham untuk mengemukakan soalan berkaitan kegiatan perniagaan Kumpulan. Semua Pengarah adalah layak untuk menjawab soalan daripada pemegang-pemegang saham semasa mesyuarat tersebut.

Bagi pelantikan semula Pengarah, Lembaga Pengarah memastikan yang maklumat lengkap dinyatakan semasa notis mesyuarat ke atas Pengarah-Pengarah yang akan bersara yang bersedia berkhidmat sekiranya dilantik semula.

Butir-butir mengenai Urusan Khas yang dilampirkan bersama notis mesyuarat akan disertakan dengan penyata penjelasan dan / atau Surat Pekeliling kepada Pemegang-Pemegang bagi memudahkan pemahaman dan penilaian penuh bagi isu-isu yang terlibat.

Kebertanggungjawapan dan Audit

Laporan Kewangan

Bagi laporan kewangan melalui laporan suku tahunan kepada Bursa Malaysia dan laporan tahunan kepada pemegang saham, para Pengarah bertanggungjawab untuk mengemukakan penaksiran adil mengenai kedudukan dan prospek Kumpulan. Jawatankuasa Audit membantu Lembaga Pengarah dalam meneliti maklumat yang akan didedahkan demi memastikan ketepatan, kecukupan dan kesempurnaan.

Para Pengarah bertanggungjawab bagi memastikan rekod perakaunan disimpan dengan baik dan penyata kewangan Kumpulan disediakan selaras dengan piawaian standard perakaunan yang diluluskan dan digunakan di Malaysia. Penyata Para Pengarah selaras dengan Seksyen 169 Akta Syarikat 1965 dibentangkan pada halaman 43 Laporan Tahunan ini.

Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko

Maklumat mengenai kawalan dalaman Kumpulan telah dikemukakan dalam Penyata Kawalan Dalaman dibentangkan dalam halaman 41 hingga 42. Penyata Pengurusan Risiko Kumpulan juga dibentangkan dalam halaman 37 hingga 38 Laporan Tahunan ini.

Perhubungan dengan Juruaudit

Maklumat mengenai peranan Jawatankuasa Audit berhubung juruaudit luaran boleh didapati dalam Laporan Jawatankuasa Audit yang dibentangkan pada halaman 39 hingga 40. Kumpulan sentiasa mengekalkan perhubungan yang rapat dan telus dengan juruauditnya dalam mendapatkan nasihat profesional dan memastikan pematuhan dengan piawaian perakaunan di Malaysia.

Kebertanggungjawapan Pengurusan

Kumpulan mempunyai struktur organisasi yang menunjukkan kesemua garis pelaporan serta penerangan jawatan yang didokumenkan secara jelas untuk semua kakitangan Pengurusan dan Eksekutif. Penilaian prestasi formal juga dilaksanakan secara berkala.

Batasan kuasa, seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, telah diwujudkan dan ditetapkan dengan jelas dan disediakan kepada semua kakitangan.

Tidak ada Pengarah dan kakitangan Pengurusan Kanan Kumpulan mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan seperti yang dirujuk dalam Seksyen 54 dan 55 Akta Insurans, 1996.

Penyata Pematuhan terhadap Kod Amalan Terbaik

Kumpulan komited untuk mencapai piawaian tadbir urus korporat yang tinggi dan tahap integriti dan standard etika yang paling cemerlang dalam kesemua urusan niaganya. Lembaga Pengarah menganggap bahawa ia telah mematuhi sepanjang tahun kewangan dengan semua Prinsip dan Amalan Terbaik sebagaimana dibentangkan dalam Kod.

Penyata ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 28 Mei 2007.